

PEMAHAMAN TENTANG RAWATAN SIHIR DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-HADITH

Khadher Ahmad, PhD

Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Tel: 60193275451 | Emel: khadher82@um.edu.my

Pengenalan

Dalam memperkatakan tentang sihir, hakikat dan pemahaman yang benar terhadap istilah tersebut, pelbagai perbincangan telah dikemukakan oleh para sarjana Islam atau bukan Islam. Sejarah telah mencatatkan bahawa sihir bukan merupakan kejadian baru terjadi tetapi keberadaannya dalam masyarakat adalah telah lama. Kejadian sihir turut berlaku dalam kalangan umat Nabi-nabi terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW. Buktinya amat jelas seperti mana Allah SWT menafikan Nabi Sulaiman AS kufur akibat perbuatan sihir, tetapi sebenarnya yang kufur itu adalah syaitan berdasarkan keterangan ayat 102 surah al-Baqarah. Demikian juga banyak keterangan daripada al-Quran yang menyebutkan kisah Nabi Musa AS yang melawan sihir dari tukang-tukang sihir Firaun seperti yang dijelaskan dalam surah al-A'raf ayat 116-121, surah Taha ayat 65-70, surah al-Shu'ara' ayat 44-45.

Bahkan, terdapat juga ayat-ayat yang menyebutkan tentang tuduhan sihir dalam kalangan penentang dakwah para Nabi. Mereka menganggap bahawa mukjizat yang dianugerahkan kepada para Nabi dan Rasul itu sebagai sihir, sedangkan sebenarnya mukjizat tersebut adalah sebagai bukti kenabian dan kerasulan seseorang utusan Allah SWT. Perkara ini boleh dirujuk kepada beberapa ayat antara ayat 15 surah al-Saffat, ayat 2 surah al-Qamar, ayat 6 surah al-Saff dan ayat 24 surah al-Muddathir.

Dengan itu, sihir menjadi satu perbincangan yang panjang dalam kalangan para ulama terdahulu termasuk dalam kalangan para *mufassir* dan *muhaddith*. Tambahan lagi, isu tentang sihir itu terus diperdebatkan dan dibincangkan sehingga ke saat ini. Oleh yang demikian, dengan menjadi sihir dan rawatannya sebagai tema perbincangan, artikel ini akan membincangkan tentang sihir dan pendekatan rawatannya dalam perspektif al-Quran dan hadith Nabi SAW. Memandangkan perbincangan terhadap konsep dan pemahaman tentang sihir agak panjang, maka perbincangan terhadapnya hanya dijelaskan secara sepintas lalu. Tambahan pula, sihir yang dibincangkan dalam artikel ini adalah jenis sihir yang mendatangkan kemudaratan kepada manusia dengan fokus utama adalah perbincangan terhadap pendekatan rawatannya dalam kerangka teori al-Quran dan hadith Nabi SAW.

Polemik Ulama Tafsir Terhadap Pemahaman Tentang Sihir

Dalam melihat polemik atau perbincangan dalam kalangan ulama tafsir terhadap sihir, dapat dirujuk kepada pandangan mereka dalam mentafsirkan ayat yang menyebutkan tentang sihir. Jika diperhatikan di dalam al-Quran, ayat-ayat yang menyebutkan tentang lafaz sihir mengandungi dua

makna yang utama iaitu [1] tanda kebesaran Allah SWT dan [2] Sihir atau mantera. Lafaz sihir yang mengandungi makna tanda kebesaran Allah SWT dalam dibahagikan kepada tiga iaitu: [Pertama] Mukjizat Nabi 'Isa AS seperti mana terdapat dalam surah al-Ma'idah dan dikaitkan dengan perkataan *al-bayyinah*. [Kedua] al-Quran dan risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana terdapat dalam surah al-An'am, surah Saba', surah al-Saffat, surah al-Zukhruf, surah al-Ahqaf, surah al-Tur, surah al-Qamar, surah al-Saff dan surah al-Muddaththir. [Ketiga] Mukjizat dan risalah yang dibawa oleh Nabi Musa dan Harun yang merujuk kepada surah Yunus, ayat 76 dan 77 surah Taha, surah al-Shu'ara', surah al-Naml, dan surah al-Qasas.¹ Sihir yang bermakna mantera atau sihir yang bererti menampakkan kebatilan dalam bentuk hak dapat dirujuk kepada ayat 102 surah al-Baqarah, ayat 116 surah al-A'raf, ayat 81 surah Yunus, ayat 53 dan 73 surah Taha dan surah al-Anbiya'²

Oleh kerana perbincangan terhadap keseluruhan ayat ini agak panjang, fokus utama artikel ini lebih kepada sihir yang membawa maksud mantera atau yang menampakkan kebatilan. Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya menyatakan bahawa sihir adalah perkara yang sering diperkatakan dan diperbincangkan sepanjang zaman. Justeru, tidak kurang pula terdapat golongan yang mengingkarinya. Tambah beliau lagi, sesiapa yang mengingkari dan berdusta tentang perkara ini, maka individu itu telah menjadi kafir kerana mendustai apa yang dijelaskan oleh Allah dan RasulNya sedangkan perkara ini diketahui dengan jelas.³

Ibn Kathir pula mengatakan sihir adalah setiap sesuatu yang bersifat halus dan tersembunyi sebabnya.⁴ Diikuti pendapat al-Baydawi yang mengatakan bahawa makna sihir adalah sesuatu yang dihasilkan dengan cara mendekati syaitan.⁵ Demikian lagi, pandangan al-Qurtubi yang mengatakan sihir (السحر) asalnya adalah helah yang licik (التمويه بالحيل). Tukang sihir melakukan sesuatu sehingga orang yang disihir seolah-olah dalam keadaan khayal dan melihat sesuatu yang bertentangan dengan keadaan sebenar. Contohnya melihat bayangan air dari jauh ketika berada di bawah panas terik matahari yang diistilahkan sebagai fatamorgana.⁶ Beliau turut menyebutkan bahawa berdasarkan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sihir adalah suatu ilmu yang thabit (disebutkan dalam al-Quran dan sunah Nabi SAW), dan ia mempunyai hakikat (iaitu boleh memberi kesan terhadap manusia). Pandangan ini turut disebutkan oleh Ibn Jarir al-Tabari dalam *Tafsir al-Tabari*, sihir adalah sesuatu yang dikhayalkan (disembunyikan) sehingga berlaku sesuatu yang dapat dilihat oleh mata tetapi bukan hakikatnya yang sebenar seolah-olah seperti memandang fatamorgana dari jauh ketika panas yang terik yang dikhayalkan ketika itu seolah-olah ia adalah

¹ Zulkifli Haji Mohd Yusuf, Dato' Dr. *et al. Kamus al-Quran*, (Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2009) h.304.

² Zulkifli Haji Mohd Yusuf, Dato' Dr. *et al., Kamus al-Quran*, h.303.

³ Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al-Qurtubi, (1967M) *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, al-Qahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nashr, j.2, h.46.

⁴ Abu al-Fida' Ismai'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqi (2004M/1424H), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', j.1, h.213.

⁵ Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al- (1968), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.1, h. 73.

⁶ Fatamorgana adalah satu fenomena di mana optik yang selalunya terjadi di tanah lapang yang luas seperti padang pasir, jalan raya dan lain-lain. Ia terjadi hasil pantulan cahaya dari langit yang dipantulkan ke atas udara panas. Udara panas ini berfungsi sebagai cermin. Abu 'Ubaydah Mahir bin Salih Ali Mubarak (1995M/1415H), *Fath al-Mughith fi al-Sihr wa al-Hasad wa Mass Iblis*, Riyad: Dar al-'Ulum al-Sunnah li al-Nashr, h.55-56 dan <http://id.wikipedia.org/wiki/Fatamorgana>, 12 Mac 2011.

air. Begitu juga seperti melihat sesuatu dari jarak yang jauh, maka disangka sesuatu dalam gambaran yang berlainan daripada hakikat sebenar benda tersebut.⁷

Manakala al-Baydawi dalam tafsirnya mengatakan bahawa makna sihir adalah sesuatu yang dihasilkan dengan cara mendekati syaitan.⁸ Demikiaan, al-Alusi dalam Kitab *Ruh al-Ma'ani* mengatakan sihir adalah perkara luar biasa (mencari adat) tetapi bukan mukjizat kerana ia boleh diperoleh dengan belajar, memohon bantuan syaitan dan dengan melakukan kerja-kerja yang kotor. Ia juga hasil daripada bertaqarrub (mendekati) dengan jin atau syaitan dengan melakukan perkara-perkara yang buruk. Proses bertaqarrub itu boleh dilakukan melalui tiga cara; iaitu; [1] Perkataan: seperti menggunakan jampi yang mengandungi unsur-unsur syirik dan memuji-muji syaitan; [2] Perbuatan: seperti menyembah cakerawala, melakukan dosa berterusan dan lain-lain; dan [3] Iktikad: seperti menganggap baik apa yang dilakukan untuk mendekati syaitan dan mengasihinya. Oleh itu, sihir tidak berlaku atau terjadi kecuali dengan berterusan melakukan kejahatan dan disebabkan oleh jiwa yang kotor (jahat).⁹

Sedangkan pandangan Ibn al-'Arabi al-Maliki berpendapat sihir adalah percakapan (kalam) yang halus yang mengagungkan selain Allah SWT. Ia berlaku melalui perbuatan dan usaha (kekuasaan) tukang sihir terhadap makhluk ciptaan Allah SWT dengan pemujaannya. Ia dilakukan pada waktu sahur dan segala urusan yang dilakukan oleh tukang sihir itu adalah sesuatu yang di luar kebiasaan orang lain. Manakala, Quraish Shihab dalam memahami istilah sihir. Beliau berkata bahawa sihir adalah pengetahuan yang menyebabkan seseorang itu memiliki kemampuan kejiwaan yang dapat menzahirkan perkara-perkara yang aneh, ajaib dan sebab-sebab tersembunyi. Sihir juga merupakan ucapan yang mengandungi pengagungan kepada selain Allah yang menjadi alat syaitan untuk memperdaya manusia yang disebutkan sebagai *black magic*. Tidak mustahil syaitan juga memperbodoh dan memperdaya manusia dengan *white magic*.¹⁰

Jadi, apabila diteliti kepada pandangan para ulama tafsir dalam menjelaskan tentang sihir, mereka hampir bersepakat untuk mengatakan bahawa sihir itu sifatnya halus dan tersembunyi serta dikaitkan dengan kejadian luar biasa (mencari adat) tetapi bukan mukjizat di samping mempunyai kaitan rapat dengan makhluk halus bernama syaitan. Syaitan bertindak sebagai suruhan yang membantu menjayakan sihir tersebut. Justeru itu, polemik dalam kalangan ulama tafsir ini lebih kepada perbincangan terhadap menjelaskan makna sihir dengan merujuk kepada pelbagai skop atau aspek yang diberikan tumpuan perbincangan. Sehingga jika diteliti, pemahaman terhadap sihir itu sangat luas yang tidak terbatas hanya kepada suatu perbincangan atau aspek semata-mata, tetapi dapat dikaitkan dengan banyak aspek berdasarkan sudut pandang masing-masing.

⁷ Muhammad bin Jarir al-Tabari (1978M/1397H), *Tafsir Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr, j.1, h.368.

⁸ Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al- (1968), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Kaheerah: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.1, h. 73.

⁹ Shihab al-Din Mahmud bin 'Abd Allah al-Husayni al-Alusi (m.1270H), *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.1, h.338..

¹⁰ M. Quraisy Shihab (2000), *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Kerasian al-Qur'an Syaitan*, Jakarta: Lentera Hati, h.267-268.

Polemik *Muhaddith* Terhadap Pemahaman Tentang Sihir

Kemudian, polemik terhadap sihir turut dapat dilihat dari sudut pandang ulama hadith ketika mereka membahaskan tentang hadith-hadith yang menyebutkan berkaitan sihir. Jika diteliti kepada hadith yang menyebutkan tentang sihir, Khadher Ahmad dalam tesis PhD beliau, ada menyenaraikan 24 hadith tidak termasuk hadith yang berulang yang menyebutkan berkaitan sihir dalam *al-Kutub al-Sittah*¹¹. Sekalipun demikian, beliau hanya meneliti 12 hadith sahaja memandangkan fokus perbincangannya lebih kepada pendekatan dan kaedah rawatan sihir.¹²

Imam Badr al-Din al-‘Ain pula mengatakan sihir adalah perkara luar biasa yang berpunca daripada jiwa yang jahat dan sukar untuk melawannya. Pengertian ini menyatakan bahawa sumber sihir itu adalah daripada jiwa yang jahat sehingga mampu memberi pengaruh alam ghaib melalui bantuan jin dan syaitan (makhluk halus) terhadap mangsanya.¹³

Melalui penelitian terhadap hadith-hadith Nabi SAW, terdapat beberapa lafaz yang digunakan merujuk kepada makna sihir, jenisnya atau merujuk kepada pelakunya. Lafaz-lafaz tersebut adalah *al-Sihr* (السحر), *Sahir* (ساحر), *al-Saharah* (السحرة), *al-Bayan* (البيان), *al-Jibt* (الجبت), *al-Tabbah* (الطبّبة), *al-Tiwalah* (التبولة), *al-‘Uqdah* (العقدة), *al-Nushrah* (النُّشْرَة) dan *al-Batalah* (البطلة). Lafaz *al-Sihr* (السحر) dalam hadith adalah merujuk kepada suatu perlakuan jahat ke atas individu lain sehingga mendatangkan suatu kesan kesakitan dan penyakit. Selain menggunakan lafaz *al-Sihr*, terdapat juga istilah lain yang seerti dengannya yang digunakan dalam hadith Nabi SAW. Lafaz-

¹¹ *Al-Kutub al-Sittah* adalah merujuk kepada enam karya hadith yang membahas hadith berdasarkan bab-bab agama (*Abwab al-Din*) yang terdiri daripada Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Jami` al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa’i dan Sunan Ibn Majah.

¹² Khadher Ahmad, (2012) “Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia”, (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.89-90.

¹³ Demikian juga dinyatakan oleh Abu ‘Ubaydah Mahir bin Salih Ali Mubarak mentafsirkan sihir adalah sesuatu perkara luar biasa yang dizahirkan oleh jiwa yang jahat dengan melakukan sesuatu perbuatan yang khusus. Lihat Nurnaningsih Nawawi (2007), *ibid.*, h.41 dan Ibn Salih Ali Mubarak (1995M/1415H), *op.cit.*, h.57

lafaz tersebut adalah *al-Tabbah* (الطَّبَّة),¹⁴ *al-Batalah* (البطلة)¹⁵ dan *al-Jibt* (الجبت).¹⁶ Manakala istilah *al-Tiwalah* (التيوالة),¹⁷ *al-'Uqdah* (العقدة)¹⁸ dan *al-Bayan* (البيان)¹⁹ adalah merupakan salah satu daripada jenis-jenis sihir. Bagi istilah *Sahir* (ساحر)²⁰ dan *al-Saharah* (السحرة),²¹ ia ditujukan kepada pelaku sihir atau orang yang melakukan kerja sihir seperti mana disebutkan dalam al-Quran. Lafaz ini

¹⁴ ***al-Tabbah*** (الطَّبَّة): Daripada hadith 'Aishah RA yang menceritakan peristiwa Nabi SAW disihir: (فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ: مَا وَجَعُ) قَالَ: (الرَّجُلُ؟ فَقَالَ: مَطْبُوبٌ. قَالَ: مَنْ طَبَّه؟ قَالَ: لَيْبِدُ بْنُ الْأَعْصَمِ. Maksudnya: “Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?”. Lalu dijawab: “Terkena sihir”. Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab: “Labid bin al-A'sam.” Hadith riwayat al-Bukhari : [Kitab al-Tibb, (باب السِّحْرِ وَقَوْلِ اللَّهِ) no.hadith 5763]. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', c.3, h.492.

¹⁵ ***al-Batalah*** (البطلة): Ia merujuk kepada hadith riwayat oleh Abu Umamah al-Bahiliy berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: (أَفْرَأُوا سُورَةَ الْبَقَرَةِ فَإِنَّ أَحَدَهَا بَرَكَةٌ وَتَرْكُهَا حَسْرَةٌ وَلَا تَسْتَطِيعُهَا الْبَطَلَةُ. قَالَ مُعَاوِيَةُ بَلَّغَنِي أَنَّ الْبَطَلَةَ السَّحْرَةُ. Maksudnya: “(Oleh itu) bacalah surah al-Baqarah, kerana membacanya merupakan satu keberkatan, mengabaikannya merupakan satu kerugian dan ia benteng dari segala jenis sihir.” Mu'awiyah berkata, disampaikan kepadaku bahawa “al-Batalah” adalah bermakna “al-Saharah (sihir).” Lihat Hadith riwayat Muslim [Kitab Salah al-Musafirin, (باب فَضْلِ) no.hadith 1874]. Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.804.

¹⁶ ***al-Jibt*** (الجبت): Dalam tajuk bab al-Bukhari menukulkan pandangan 'Umar bahawa *al-Jibt* adalah *al-Sihr*. (وَقَالَ عُمَرُ) Maksudnya: “Kata 'Umar: *al-Jibt* bermakna *al-Sihr* dan *al-Taghut* adalah *al-Shaytan*”. Lihat al-Bukhari (2000) *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, [Kitab al-Tafsir, (باب قَوْلِهِ (وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ) (أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ)], *ibid.*, h.378.

¹⁷ ***al-Tiwalah*** (التيوالة): Ia merujuk kepada hadith yang diriwayatkan daripada 'Abd Allah RA, telah berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: (إِنَّ الرُّحَى وَالْتَمَائِمَ وَالتَّيْلَةَ شِرْكٌ) Maksudnya: “*Sesungguhnya jampi, tangkal dan ilmu pengasih adalah syirik.*” Hadith riwayat Abi Dawud: [Kitab al-Tibb, (باب فِي تَعْلِيْقِ التَّمَائِمِ)], no.hadith 3883]. Abu Dawud (2000), *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.1508

¹⁸ ***al-'Uqdah*** (العقدة): Diriwayatkan daripada Abi Hurayrah RA: Rasulullah SAW telah bersabda: (مَنْ عَقَدَ عُقْدَةً ثُمَّ نَعَثَ فِيهَا) (فَقَدْ سَحَرَ وَمَنْ سَحَرَ فَقَدْ أَشْرَكَ وَمَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وَكَانَ إِلَيْهِ) Maksudnya: “*Sesiapa yang menyimpulkan satu simpulan kemudian meniupkan pada (suatu jampi atau bacaan) sesungguhnya dia telah melakukan sihir. Sesiapa yang melakukan sihir maka sesungguhnya dia telah berlaku syirik dan sesiapa yang menggantungkan sesuatu (tangkal) diserahkan (segala urusan) kepadanya (tangkal itu).*” Hadith riwayat al-Nasa'i: [Kitab (تحريم الدم) (باب الْحَكْمِ فِي السَّحْرِ)], no.hadith 4084]. Lihat al-Nasa'i (2000), *Sunan al-Nasa'i*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.2355.

¹⁹ ***al-Bayan*** (البيان): (إِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لِسِحْرًا - أَوْ - إِنَّ بَعْضَ الْبَيَانِ لِسِحْرٌ) Maksudnya: “*Sesungguhnya di antara al-Bayan (ucapan yang mengasyikkan) itu adalah sihir atau sesungguhnya sebahagian dari al-bayan (ucapan yang mengasyikkan) itu adalah sihir.*” Hadith riwayat al-Bukhari: [Kitab al-Tibb, (باب إِذْ مِنَ الْبَيَانِ سِحْرًا)], no.hadith 5767]¹⁹ dan [Kitab al-Nikah, Bab (الْحَطْبِيَّةِ)], no.hadith 5146]. Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.493.

²⁰ ***Sahir*** (ساحر): Contohnya daripada hadith Jundab telah berkata, Nabi SAW bersabda: (حَدَّ السَّاحِرَ ضَرْبَةَ السَّيْفِ) Maksudnya: “*(Hukum) had terhadap tukang sihir adalah dipancung dengan pedang.*” Hadith riwayat al-Tirmidhi : [Kitab al-Hudud, Bab (مَا جَاءَ فِي حَدِّ السَّاحِرِ)], no.hadith 1460]. Lihat al-Tirmidhi (2000), *Jami' al-Tirmidhi*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith, ibid.*, h.1800.

²¹ ***al-Saharah*** (السحرة): Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA katanya: (فَقَالَ لَقَدْ سَمِعْتُ قَوْلَ الْكُهَنَةِ وَقَوْلَ السَّحْرَةِ وَقَوْلَ الشُّعْرَاءِ فَمَا سَمِعْتُ بِمِثْلِ) (كَلِمَاتِكَ هَذِهِ) وَلَقَدْ بَلَغَنِي نَاعُوسُ الْبَحْرِ Maksudnya: “*Lalu Rasulullah mengulangi perkataan tersebut kepadanya tiga kali, sehingga dia berkata: “Sesungguhnya saya telah mendengar perkataan (kata-kata) syaitan (dalam perbomohan seperti mentera), perkataan penyihir, perkataan penyair, tetapi saya belum pernah mendengar perkataan seperti ini, yang menusuk ke dalam lautan samudera.*” Hadith riwayat Muslim: [Kitab al-Jum'ah, (باب تَخْوِيفِ الصَّلَاةِ وَالْحَطْبِيَّةِ)], no.hadith 2008]. Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith, op.cit.*, h.813.

menyamai beberapa istilah lain yang berkaitan dengannya yaitu *kahin* (كَاهِن) atau *kuhhan* (كُهَّان) dan ‘*arraf*’ (عَرَّاف).²²

Dalam perbincangan terhadap hadith, maka hadith yang menyebutkan peristiwa Nabi SAW pernah disihir oleh seorang pendeta Yahudi dari Bani Zuraiq bernama Labid bin al-'Asam dibahasakan secara panjang lebar oleh para *muhaddith*. Hampir keseluruhan mereka bersetuju bahawa sihir boleh berlaku kepada Nabi SAW dan mendatangkan kesan kesakitan atau penyakit. Oleh sebab itu juga, Allah SWT mengutus dua malaikat untuk membantu menyembuhkan kesan sihir yang dihadapi oleh baginda tersebut. Diriwayatkan daripada ‘Aishah RA:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْيِيهِ إِذْ كَانَ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ..."

Maksudnya: *Bahawa Rasulullah SAW telah terkena sihir sehingga baginda berasa (khayal) melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya....*²³

Imam al-Qurtubi menyebutkan bahawa berdasarkan mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sihir adalah suatu ilmu yang *thabit* (disebutkan dalam al-Quran dan sunah Nabi SAW), dan ia mempunyai hakikat (iaitu boleh memberi kesan terhadap manusia).²⁴ Wahid 'Abd al-Salam Bali menegaskan bahawa daripada segala *turuq al-hadith* tentang Nabi SAW disihir, jelas menunjukkan bahawa orang Yahudi mahu menyihir Nabi SAW dengan sihir yang paling kuat dengan tujuan untuk membunuh Nabi SAW. Seterusnya, sihir yang ditujukan kepada Nabi SAW itu, pada kebiasaannya dapat membunuh Nabi SAW, tetapi dengan pemeliharaan daripada Allah SWT, Nabi SAW hanya terkena sihir dari jenis sihir yang paling ringan iaitu *al-Rabt* (sihir pengikat iaitu menghalang hubungan suami isteri).²⁵

²²‘*Arraf*’ (عَرَّاف): Daripada Sufiyah (isteri Ibnu Umar) daripada sebahagian isteri isteri Nabi SAW bahawasanya baginda SAW bersabda: (مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَوْ بَعِيَ لَيْلَةٌ) Maksudnya: “Sesiapa yang datang kepada (menemui) peramal/tukang tilik lalu dia bertanya sesuatu kepadanya dan mempercayainya maka tidak akan diterima solatnya selama 40 malam.” Hadith riwayat Muslim: [Kitab al-Salam, Bab (تَحْرِيمُ الْكُهَّانِ وَإِثْبَانِ الْكُهَّانِ), no.hadith 5821]. Muslim (2000M), *Sahih Muslim dalam Mawsu'ah al-Hadith, ibid*, h.1074.

²³ Rujuk pada hadith riwayat al-Bukhari [Kitab al-Tibb, Bab al-Sihr, no.hadith 5321 dan (باب هَلْ يَسْتَخْرِجُ السِّحْرَ), no. hadith 5765]. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari al-Ja‘fi selepas ini al-Bukhari (1400H), *al-Jami‘ al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih*, al-Qahirah: al-Matba‘ah al-Salafiyah, j.4, h.48-49

²⁴ Abi ‘Abd al-Rahman ‘Adil Shushah (2005M/1426H), *Kayfa Tanju al-Sihr wa al-Hasad*, al-Qahirah: Dar al-Ghadd al-Jadid, h.57.

²⁵ Dalam menjelaskan lagi makna tentang hadith Nabi SAW disihir itu, Wahid 'Abd al-Salam Bali menjelaskan bahawa golongan Yahudi yang dilaknat Allah telah bersepakat (bersekongkol) dengan Labid bin al-A'sam iaitu salah seorang tukang sihir Yahudi untuk melakukan sihir ke atas Rasulullah SAW dengan mendapat upah tiga dinar. Untuk merealisasikan niat tersebut, sihir dilakukan ke atas beberapa helaian rambut Nabi SAW. -Dikatakan bahawa rambut tersebut diperoleh daripada seorang jariah (hamba perempuan) kecil yang telah pergi ke rumah Nabi SAW.- Lalu dilakukan sihir tersebut dengan disimpulkan (membentuk ikatan atau simpulan pada rambut) dan diletakkan benda sihir itu ke dalam telaga Dharwan. Para ulama juga berselisih pendapat dalam menyatakan tempoh Nabi SAW menghadapi sihir tersebut. Ada yang mengatakan tempohnya adalah selama 40 hari dan ada juga pendapat yang lain mengatakan tempoh yang lainnya. Hanya Allah jua Yang Maha Mengetahui. Lihat Bali, Wahid 'Abd al-Salam (2007), *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-Sihr al-Ashrar*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid, h.15-16.

Berdasarkan kepada dalil daripada al-Quran dan hadith, jelas menunjukkan kewujudan sihir dalam kalangan masyarakat dan ia mempunyai hakikatnya yang tersendiri. Bahkan, sihir dapat memberi suatu kesan terhadap tubuh badan seseorang.

Pemahaman Tentang Rawatan Sihir Dalam Kerangka al-Quran dan al-Hadith

Jika dirujuk kepada ayat al-Quran, perbincangan tentang rawatan sihir ini tertumpu kepada beberapa ayat utama khususnya ayat 102 surah al-Baqarah. Imam al-Qurtubi contohnya menyatakan pendapat Wahb bin Munabbih yang menyarankan agar mengambil tujuh helai daun bidara yang berwarna hijau (masih segar) dan dipecah-pecahkan (dihancurkan) dengan dua biji batu, kemudian dimasukkan ke dalam air dan dibacakan ke atas air campuran daun itu Ayat Kursi, di minum tiga teguk dan selebihnya digunakan untuk mandi. Kaedah ini membantu menghilangkan semua penyakit yang berkaitan dengan izin Allah SWT. Bahkan kaedah ini juga sesuai untuk mengubati lelaki yang ditahan (atau diikat nafsunya) daripada mendatangi isterinya.²⁶

Pandangan yang sama turut dipetik oleh al-Shanqiti dalam tafsirnya yang menyatakan bahawa para ulama berselisih pendapat tentang menghalalkan sihir dengan sihir atau disebutkan sebagai *al-Nushrah*. Sebahagian ulama mengharuskannya dan sebahagian yang lain melarangnya. Bagi ulama yang mengharuskannya, selain merujuk kepada pendapat yang disebutkan, beliau juga memetik pendapat al-Imam al-Shafi'i yang mengatakan tidak mengapa (merawat atau mengubati penyakit) melalui kaedah *al-Nushrah*. Pandangan ini disokong oleh al-Qurtubi dan Ibn Battal. Lalu al-Shanqiti memetik pandangan al-Qurtubi di atas dan disandarkan juga kepada pandangan Ibn Battal.²⁷ Tambahan al-Shanqiti lagi, Abu Ja'far al-Tabari, 'Amir al-Sha'bi dan sebagainya juga mengharuskan *al-Nushrah*.²⁸

Manakala dalam mengulas berkaitan dengan rawatan sihir, penjelasan dan pemahaman yang terperinci dapat dirujuk kepada fiqh al-hadith terhadap hadith yang menyebutkan peristiwa Nabi SAW disihir oleh Labid bin al-A'sam seorang pendeta Yahudi yang telah disebutkan sebelum ini. Hadith itu adalah hadith sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim yang menceritakan panjang lebar berhubung dengan peristiwa Nabi SAW pernah disihir dan pendekatan serta tindakan Nabi SAW dalam menghadapi sihir tersebut.

عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - قَالَتْ: سَحَرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي زُرَيْقٍ يُقَالُ لَهُ
لَبِيدُ بْنُ الْأَعْصَمِ حَتَّى كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجِيلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ كَانَ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ حَتَّى

²⁶ Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al-Qurtubi, (1967M) *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, al-Qahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nashr, j.221

²⁷ Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar bin 'Abd al-Qadir al-Jakni al-Shanqiti (1415H/1995M), *Awda' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*, Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr, j.4, h.57.

²⁸ *Ibid*.

إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ عِنْدِي لَكِنَّهُ دَعَا وَدَعَا ثُمَّ قَالَ: يَا عَائِشَةُ أَشَعَرْتِ أَنَّ اللَّهَ أَفْتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ. أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَ أَحَدُهُمَا عِنْدَ رَأْسِي وَالْآخَرُ عِنْدَ رِجْلِي. فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ: مَا وَجَعِ الرَّجُلِ؟ فَقَالَ: مَطْبُوبٌ. قَالَ: مَنْ طَبَّهُ؟ قَالَ: لَيْدُ بْنُ الْأَعْصَمِ. قَالَ: فِي أَيِّ شَيْءٍ؟ قَالَ: فِي مُشْطٍ وَمُشَاطَةٍ وَجُفِّ طَلْعِ نَخْلَةٍ ذَكَرٍ. قَالَ: وَأَيْنَ هُوَ؟ قَالَ: فِي بَمْرِ ذُرْوَانَ. فَأَتَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَاسٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَجَاءَ فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ كَأَنَّ مَاءَهَا نُقَاعَةُ الْحِنَاءِ أَوْ كَأَنَّ رُؤُوسَ نَخْلِهَا رُؤُوسُ الشَّيَاطِينِ. قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا اسْتَحْرَجْتَهُ؟ قَالَ: قَدْ عَافَانِي اللَّهُ فَكَرِهْتُ أَنْ أُثَوِّرَ عَلَى النَّاسِ فِيهِ شَرًّا. فَأَمَرَ بِهَا فُدْفِنَتْ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada ‘Aishah RA telah berkata: “Bahawa Rasulullah SAW telah terkena sihir sehingga baginda berasa melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya. Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa. Maka sabda Nabi SAW: “Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaku, dan seorang lagi berhampiran kakiku”. Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?”. Lalu dijawab: “Terkena sihir”. Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab: “Labid bin al-A’sam. Berkata lagi: “Dengan (bahan) apa (disihir)?”, lalu dijawab: “Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda”. (Lelaki itu) bertanya lagi: “Di mana letaknya benda itu”. Lalu dijawab: “Di dalam telaga Dharwan”. Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat baginda. (Setelah kembali) Nabi SAW berkata: “Wahai ‘Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna merah-kemerahan seperti inai. Rupa pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan”. Aku (‘Aishah) bertanya: “Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?”. Baginda menjawab: “Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain”. Lalu baginda menyuruh agar ditimbus bahan-bahan sihir dalam telaga itu.²⁹

Merujuk kepada hadith tersebut dapat disimpulkan bahawa terdapat tujuh (7) kaedah dan pendekatan yang dilakukan oleh Nabi SAW bagi merawat dan menghadapi sihir. Tiga (3) daripadanya adalah pendekatan yang perlu dilakukan oleh pesakit (mangsa sihir) dan baki empat (4) pendekatan dan kaedah yang memerlukan bantuan perawat dan ahli keluarga.

Pertama: Memanjatkan Doa Kepada Allah SWT Berulang Kali.

²⁹ Hadith riwayat al-Bukhari [Kitab al-Tibb, Bab al-Sihr, no.hadith 5321 dan (باب هَلْ يَسْتَحْرِجُ السِّحْرَ), no. hadith 5765].

Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari al-Ja‘fi selepas ini al-Bukhari (1400H), *al-Jami‘ al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih*, al-Qahirah: al-Matba‘ah al-Salafiyah, j.4, h.48-49.

Berdoa adalah satu pendekatan untuk memohon petunjuk daripada Allah SWT agar dikurniakan kesembuhan daripada masalah sihir tersebut. Bahkan, dengan berdoa menunjukkan kebergantungan pesakit itu kepada Allah SWT. Perkara ini jelas disebutkan oleh ‘Aishah RA ketika Nabi SAW terkena sihir. Daripada riwayat al-Bukhari dengan lafaz: (حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ)³⁰, demikian juga dalam riwayat Muslim iaitu dengan lafaz: (حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ)³¹, demikian juga dalam riwayat Muslim iaitu dengan lafaz: (ذَاتَ لَيْلَةٍ دَعَا رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- ثُمَّ دَعَا ثُمَّ دَعَا

Imam al-Nawawi dalam *al-Minhaj* berkata bahawa hadith di atas adalah dalil yang jelas menunjukkan keharusan untuk berdoa ketika menghadapi perkara-perkara yang tidak baik (atau menghadapi sebarang kepayahan), dan mengulangi doa tersebut berserta dengan pengharapan yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT.³² Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* juga memetik pendapat yang dikemukakan oleh Imam al-Nawawi seperti di atas. Namun, pada ungkapan (دَعَا رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم-), beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan itu adalah perlu untuk mengulangi doa itu sebanyak tiga kali. Kata beliau lagi, peristiwa ini menunjukkan bahawa perkara utama yang dilakukan oleh Nabi SAW adalah menyerahkan urusan ini sepenuhnya kepada Allah SWT kerana baginda tahu bahawa dengan bersabar dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah, nescaya pasti mendapat ganjaran pahala dari Allah. Disebabkan oleh baginda khawatir orang yang melakukan sihir itu terus menerus melakukan sihir ke atas baginda, sehingga boleh mengganggu pelaksanaan ibadat dan memberi kesan terhadap risalah yang dibawa oleh baginda, maka baginda memohon kesembuhan daripada Allah SWT.³³

Kedua: Bersabar Atas Musibah Kesakitan Yang Dihadapi.

Pendekatan ini dapat dilihat kepada sikap Nabi SAW ketika baginda disihir di mana baginda tidak berkeluh kesah dan tidak terkejut gapah melainkan baginda SAW terus berdoa kepada Allah SWT memohon petunjukNya. Sikap ini dapat disandarkan kepada pertanyaan Nabi SAW kepada ‘Aishah RA iaitu : (يَا عَائِشَةُ أَسْعَرَتْ أَنَّ اللَّهَ أَفْتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ)³⁴. Tambahan pula, kesabaran baginda menunggu petunjuk Allah SWT sehinggalah Allah SWT mengutus dua malaikat untuk membantu

³⁰ Maksudnya: “Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada disisiku baginda berdoa dan terus berdoa.” Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith*, *op.cit.*, c.3, h.492

³¹ Maksudnya: “Sehingga pada suatu hari atau pada suatu malam Rasulullah SAW berdoa dan terus berdoa.” Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith*, *ibid*, h.1066-1067.

³² Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy al-Nawawi, (1392H), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j.14, h.176.

³³ Abu Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (1421H/2001M), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, ditahqiq oleh ‘Abd al-Qadir Shaybah al-Hamad, al-Riyad: (t.t.p). j.10, h.228.

³⁴ Maksudnya: “Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya?” Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith*, *op.cit.*, c.3, h.492.

menjelaskan keadaan yang sedang dihadapi oleh baginda ketika itu. Hal ini adalah sebagai bukti yang jelas menunjukkan sikap kesabaran yang tinggi yang dimiliki oleh baginda.

Lalu Nabi SAW menceritakan kedatangan dua malaikat yang datang membantu baginda dan menjelaskan keadaan baginda yang tidak pasti sama ada telah melakukan sesuatu perkara itu ataupun tidak. Dalam riwayat lain pula menyebutkan keadaan baginda yang tidak pasti telah mendatangi isteri baginda ataupun tidak. Kedua-dua keadaan yang disebutkan ini, adalah diakibatkan oleh perbuatan sihir seperti disebutkan dalam hadith di atas.³⁵

Musa al-Fifi menyatakan bahawa berdoa dan bersabar adalah satu bentuk hubungan antara seseorang individu dengan penciptaNya. Apabila seseorang itu menghadapi sesuatu bala atau ujian, maka wajib (sangat perlu) bagi seseorang individu itu untuk menjaga hubungannya dengan penciptaNya. Ini boleh dilakukan dengan jalan sabar terhadap penderitaan itu dan terus memanjatkan doa kepadanya dengan penuh pengharapan. Hal ini kerana, seseorang yang bersabar dan meletakkan harapan yang jitu kepada Allah SWT nescaya mendapat perhitungannya dan pembalasan yang sewajarnya dari Allah SWT.³⁶ Tambah beliau lagi, wajib bagi individu menjadikan para Nabi Allah sebagai contoh teladan dalam konteks kesabaran mereka yang tinggi dan ketetapan hati mereka ketika ditimpa bala (atau ujian). Demikian juga ketika menghadapi gangguan dan kesakitan akibat perbuatan makhluk halus seperti jin. Sheikh al-Dihlawi berkata bahawa wajib bagi setiap Muslim untuk bersabar terhadap musibah gangguan atau kesakitan daripada jin atau Ifrit sepertimana wajib untuk bersabar di atas mihnah dan tribulasi yang dihadapi dalam hidupnya. Bahkan, amat perlu untuk mengelak segala fitnah ini daripada menimbulkan kegusaran dalam agama dan merosakkan akidah.³⁷ Dalam hadith, daripada Suhaib RA berkata Rasulullah SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya menakjubkan keadaan orang Mukmin, kerana segala urusannya sangat baik baginya, dan itu tidak akan terjadi kecuali bagi orang Mukmin. Apabila memperoleh kesenangan, dia bersyukur, yang demikian itu baik baginya. Dan apabila tertimpa kesusahan dia juga bersabar, yang demikian itu pun baik baginya*”.³⁸

³⁵ Merujuk kepada hadith riwayat al-Bukhari pada hadith bernombor 5765. Lihat *Ibid*.

³⁶ Musa bin Muhammad bin Jabir al-Fifi (t.t), *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqiyyah fi al-Kutub al-Sittah: Riwayah wa Dirayah*, (Tesis di al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah (American's International University), Beirut dibawah penyeliaan al-Husayn bin Muhammad Shawat, h.142.

³⁷ *Ibid.*, h.143-144.

³⁸ Hadith riwayat Muslim dalam sahihnya [Kitab al-Zuhd wa al-Raqa'iq, (باب الْمُؤْمِنِ أَمْرُهُ كُلُّهُ خَيْرٌ), no.hadith 7500]. Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim dalam Mawsu'ah al-Hadith, op.cit.*, h.1196.

Oleh sebab itu, pengkaji melihat bahawa seseorang yang ditimpa penyakit khususnya terkena sihir, tindakan utama adalah berdoa dengan sepenuh keyakinan memohon petunjuk daripada Allah SWT agar disembuhkan penyakit tersebut kerana setiap penyakit itu ada ubatnya dan Allah SWT itu Maha Penyembuh. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW yang menyatakan Allah SWT ketika menurunkan sesuatu penyakit, disertakan bersama penawar atau ubatnya. Cuma, ia memerlukan usaha, kegigihan serta kesabaran yang tinggi untuk mencari dan mendapatkan penawar yang sesuai dengan penyakit tersebut.³⁹ Daripada Abi Hurayrah RA, daripada Nabi SAW bersabda:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksudnya: “Tidaklah Allah SWT menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan baginya ubat (kesembuhan).”⁴⁰

Ibn Battal mengatakan bahawa pada hadith riwayat al-Bukhari ini, jelas menunjukkan bahawa keharusan untuk berikhtiar mencari ubat. Bahkan beliau menyangkal pendapat golongan sufi yang menyangka bahawa kewalian (mencapai tahap seorang wali) tidak sempurna melainkan reda terhadap semua musibah atau bala yang diturunkan dan tidak perlu baginya untuk mencari ubat. Sedangkan, Nabi SAW jelas mengharuskan perkara tersebut.⁴¹ Manakala Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* merumuskan dengan mengaitkan pada semua riwayat di atas dengan tambahan daripada beberapa riwayat yang lain bahawa setiap penyakit ada ubatnya kerana Allah SWT menurunkan sesuatu penyakit bersama dengan penawarnya.⁴²

³⁹ Selain daripada hadith yang disebutkan, terdapat hadith-hadith lain yang menggalakkan umat Islam berikhtiar mencari ubat bagi mengubati suatu penyakit, iaitu: [1] Daripada Jabir RA, daripada Rasulullah SAW bersabda: (لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ) Maksudnya: “Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila sesuatu ubat dapat mengubati sesuatu penyakit, maka ia sembuh dengan izin Allah ‘Azza wa Jalla.” [Hadith riwayat Muslim [Kitab al-Salam, (باب تَدَاوُوا عِبَادَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ شَيْخَانَهُ لَمْ) (no.hadith 5741]. [2] Usamah bin Syarik RA berkata, sabda Nabi SAW: (بِضَعِ دَاءَ إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا الْهَرَمَ) Maksudnya: “Berubatlah kalian wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak menciptakan penyakit kecuali diciptakan juga bersamanya ubat, melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua.” [Hadith riwayat Ibn Majah [Kitab al-Tibb, (باب مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً), no.hadith 3436]. [3] Dalam hadith yang lain, diriwayatkan dari Abi Darda’ RA, Rasulullah SAW bersabda: (إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ) Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat dan menyediakan bagi setiap penyakit itu ubat. Maka berubatlah, dan janganlah kamu berubat dengan benda yang diharamkan.” [Hadith riwayat Abu Dawud [Kitab al-Tibb, (باب فِي الْأَدْوِيَةِ الْمَكْرُوهَةِ), no.hadith 3874]. Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim dalam Mawsu‘ah al-Hadith, ibid.*, h.1069, Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah dalam Mawsu‘ah al-Hadith, ibid.*, h.2684 dan Abu Dawud (2000), *Sunan Abi Dawud, dalam Mawsu‘ah al-Hadith, ibid.*, h.1507.

⁴⁰ Hadith riwayat al-Bukhari [Kitab al-Tibb, (باب مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً), no.hadith 5678]. Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari dalam Mawsu‘ah al-Hadith, ibid.*, h.486.

⁴¹ Abu al-Hasan ‘Ali bin Khalf bin ‘Abd al-Malik bin Battal al-Kubra al-Qurtubi selepas ini Ibn Battal (1423H/2003M), *Sharh Sahih al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh Abu Tamim Yasir bin Ibrahim, al-Riyad: Maktabah al-Rushd, j.9, h.394.

⁴² Maksud diturunkan ubat adalah diturunkan ilmu tentang penyakit itu di atas lidah Nabi SAW, atau diibaratkan dengan turun itu sebagai takdir. Tambahan lagi, konsep berubat itu terikat hanya kepada perkara-perkara yang diharamkan sahaja, kerana tidak harus untuk berubat dengan sesuatu yang diharamkan. Manakala hadith riwayat Jabir

Ketiga: Mencari dan Mengenal pasti Tempat Bahan Sihir Itu Disembunyikan.

Mengenal pasti tempat bahan sihir disembunyikan boleh dilakukan sendiri oleh pesakit atau lebih baik dengan meminta bantuan daripada perawat atau daripada ahli keluarga yang lain. Hal ini jelas apabila dua malaikat yang datang merawat Nabi SAW, memberikan maklumat terperinci berkaitan dengan sihir yang dihadapi oleh Nabi SAW. Selepas mengkhabarkan bahan yang digunakan untuk menyihir Rasulullah SAW, lalu salah satu daripada malaikat memberitahu bahawa bahan sihir itu telah disembunyikan di bawah seketul batu besar di dasar telaga *Dharwan*.

Selepas mengetahui bahan sihir itu disembunyikan, Nabi SAW mengarahkan para Sahabat untuk pergi dan mencari bahan sihir tersebut. Tujuannya adalah untuk mendapatkan segera bahan yang telah digunakan untuk menyihir baginda, seterusnya memusnahkan dan menghapuskan pengaruh dan kesan sihir itu.

Persoalan yang timbul adalah, bagaimana untuk mengenal pasti tempat di mana bahan sihir itu diletakkan atau disembunyikan? Berkaitan dengan persoalan ini, Musa al-Fifi mengatakan bahawa salah satu pendekatan yang boleh membantu seseorang yang disihir mengetahui tempat bahan sihir itu disembunyikan adalah melalui mimpi yang benar. Tambah beliau lagi, mimpi adalah di antara perkara besar yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya yang ditimpa musibah atau bala. Bagi mereka yang disihir, ia dapat membantu mereka mengetahui kedudukan atau tempat bahan sihir disembunyikan.⁴³

Mimpi juga adalah pembawa khabar gembira bagi orang yang beriman jika ia diperlihatkan bagi mereka mimpi tersebut. Ini kerana daripada ‘Ubadah bin al-Samat RA berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- عَنْ قَوْلِهِ (هُمُ الْبَشَرِيُّ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا) قَالَ « هِيَ الرُّؤْيَا
الصَّالِحَةُ يَرَاهَا الْمُؤْمِنُ أَوْ تُرَى لَهُ »

pula mengisyaratkan bahawa kesembuhan terhadap penyakit tertakluk kepada keizinan Allah SWT. Hal ini kerana, kemungkinan sesuatu penyakit itu telah dilakukan pelbagai kaedah dan rawatan serta berapa jumlah ubat yang diberi, namun masih tidak berjaya. Tambahan lagi, dalam hadith Ibn Mas‘ud pula, ia adalah isyarat bahawa sebahagian ubat tidak diketahui oleh sesiapa pun kerana ia telah ditetapkan sebab-sebabnya demikian. Akan tetapi ia tidak pula menafikan tawakkal kepada Allah SWT. Oleh itu, sesiapa yang beriktikad bahawa kesembuhan itu adalah dengan izin Allah dan takdirnya (iaitu ketentuan dari Allah), sesungguhnya ia yakin dengan kekuasaan Allah padanya. Bahkan, sesuatu ubat itu boleh menjadi penyakit atau racun jika ditakdirkan Allah SWT sedemikian. Dari itu, penyakit yang dihadapi adalah di atas takdir (ketentuan) dan kehendak Allah SWT terhadapnya, sedangkan berubat (ikhtiar rawatan) bukan pula menafikan konsep tawakkal kepadanya sepertimana untuk menghilangkan lapar dan dahaga, sudah pasti perlu makan dan minum. Lihat Abu Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2001M/1421H), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad Isma‘il al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh ‘Abd al-Qadir Saybah al-Hamad, al-Riyad: Sahib al-Sammiw al-Maliki al-Amir Sultan bin ‘Abd al-‘Aziz Ali Sa‘ud. j.10, h.141-142.

⁴³ Musa al-Fifi (t.t), *op.cit.*, h.147

Maksudnya: “Aku bertanya Rasulullah SAW tentang firman Allah SWT (لَهْمُ الْبَشَرِي فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا). Maksudnya: “*Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan di dunia dan (dalam kehidupan} di akhirat. (Yunus ayat 64). Sabda Nabi SAW: “Ia adalah mimpi yang baik (al-Ru’ya al-Salihah) yang dilihat (dihadapi) oleh orang yang beriman atau ia diperlihatkan baginya.”⁴⁴*

Perkara ini dikukuhkan lagi dengan hadith yang lain. Daripada Abi Qatadah al-Ansari RA katanya; Nabi SAW bersabda:

الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ مِنَ اللَّهِ ، وَالْحُلْمُ مِنَ الشَّيْطَانِ فَإِذَا حَلَمَ أَحَدُكُمْ حُلْمًا يَخَافُهُ فَلْيَبْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ ،
وَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّهَا ، فَإِنَّهَا لَا تَضُرُّهُ

Maksudnya: “*Mimpi yang baik adalah daripada Allah SWT, sedangkan mimpi buruk adalah daripada syaitan. Jika seseorang daripada kamu mengalami mimpi yang buruk dan ia menakutkan kamu, maka ludahlah di sebelah kirimu dan mohon perlindungan dengan Allah daripada segala kejahatannya. Maka sesungguhnya ia tidak akan memberi mudarat (pada kamu) lagi.”⁴⁵*

Keempat: Mengeluarkan Bahan Sihir Dan Membatalkan Sihir

Mengeluarkan bahan sihir adalah merujuk kepada bahan yang disembunyikan atau digantungkan pada sesuatu tempat seperti dihadapan pintu utama rumah, ditanam pada penjuru pada tiang-tiang rumah atau disembunyikan di atas atap atau bumbung, diletakkan di atas tiang utama, disembunyikan dalam tilam atau dibawah katil mangsa dan sebagainya lagi. Musa al-Fifi berkata bahawa kebiasaannya tukang sihir akan melakukan sihir secara bersendirian dan menjadikan tempat-tempat yang najis atau kotor sebagai tempat untuk melakukan amalan sihir. Antara tempat yang sering digunakan adalah seperti tandas atau rumah-rumah kosong yang ditinggalkan, atau tanah perkuburan. Tempat-tempat ini juga sesuai untuk menyembunyikan bahan-bahan sihir seperti menggantungkannya, menanamnya atau meletakkannya pada sesuatu tempat.⁴⁶

Manakala al-‘Aini mengatakan bahawa kesan bahan-bahan yang diharamkan (iaitu merujuk kepada bahan sihir) adalah perlu untuk dihapuskan.⁴⁷ Ini termasuk juga, bahan sihir dalam

⁴⁴ Hadith riwayat al-Tirmidhi [Kitab al-Ru’ya, ((باب قَوْلِهِ لَهْمُ الْبَشَرِي فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا)), no.hadith 2275]. Lihat al-Tirmidhi (2000), *Jami’ al-Tirmidhi*, dalam *Mawsu’ah al-Hadith, op.cit.*, h.1881.

⁴⁵ Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahnya [Kitab Bad’ al-Khal, (باب صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجُنُودِهِ), no.hadith 3292], lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu’ah al-Hadith, ibid.*, h.266.

⁴⁶ Musa al-Fifi (t.t), *ibid.*, h.146.

⁴⁷ Al-Imam al-‘Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aini (1421H/2001M), *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.15, h.233.

bentuk tulisan tertentu atau pelbagai jenis bentuk lagi,⁴⁸ tidak harus untuk dimiliki, dibaca dan dijual beli kerana ia adalah barang yang diharamkan.⁴⁹ Demikian juga, diharamkan untuk mengambil faedah dalam apa jua bentuk daripada barang tersebut. Hal ini boleh dikiasikan dengan pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang mengatakan bahawa diharamkan untuk berjual beli berhala termasuk diharamkan juga untuk berjual beli peralatan atau barang-barang yang berhubung kait dengannya. Ini kerana barang-barang dan peralatan tersebut digunakan untuk melakukan syirik kepada Allah dalam apa jua bentuk seperti patung berhala, gambar, lambang salib, buku-buku yang mengandungi unsur-unsur syirik dan lain-lain lagi. Oleh itu, semua barang tersebut adalah wajib dihilangkan dan dimusnahkan. Tambah Ibn Qayyim lagi, jual beli terhadap bahan-bahan atau barang-barang tersebut diharamkan bagi mengelakkan seseorang individu daripada memilikinya. Ini disebabkan dalam jual beli itu, bukan sahaja barang tersebut boleh merosakkan seseorang yang disihir tetapi ia juga boleh merosakkan diri pelaku sihir (iaitu akidahnya).⁵⁰

Oleh yang demikian, sejurus selepas mengenal pasti dan menjumpai bahan sihir itu, adalah wajar untuk segera mengambil dan memusnahkannya dengan tujuan untuk membatalkan kesan sihir tersebut. Jika bahan sihir itu dalam bentuk simpulan tali, maka ia perlu dirungkaikan satu persatu. Berdasarkan kepada pengamalan Dr. Haron Din, dalam kuliah perubatan di Darussyifa', beliau menyarankan agar apabila sesuatu bahan sihir dijumpai, sebelum mengambilnya perlulah didahulukan dengan membaca doa berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: “Dengan nama Allah yang tidak ada suatu apa pun yang mendatangkan mudarat dengan berkat nama-Nya sama ada di bumi mahupun di langit. Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.”⁵¹

⁴⁸ Antara bentuk-bentuk alatan atau bahan yang digunakan untuk mendekati jin seterusnya dapat dilakukan sihir adalah seperti penggunaan *wafak*, *tumbal*, tulisan doa yang terpesong, ayat-ayat al-Quran yang diterbalikkan, rangkai ayat-ayat al-Quran yang ditulis secara salah, bentuk rajah, tangkal, azimat dan lain-lain lagi. Penjelasan yang lebih terperinci boleh dirujuk kepada perbincangan yang dikemukakan oleh Amran Kasimin dalam bukunya *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. Lihat Amran Kasimin (2009) *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*, Bangi, Selangor: Penerbit UKM, h.264.

⁴⁹ Amran Kasimin, (2009) *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*, Bangi, Selangor: Penerbit UKM, h.264.

⁵⁰ Al-Imam al-‘Allamah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur‘i Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987M/1407H), *Zad al-Ma‘ad fi Hadyi Khayr al-‘Ibad*, Beirut: Mu‘assah al-Risalah, j.4, h.125 dan al-‘Aini (1421H/2001M), *ibid.*, h.147.

⁵¹ Doa ini dipetik daripada hadith riwayat Abi Dawud [Kitab al-Adab, (باب مَا يَقُولُ إِذَا أَصْبَحَ), no.hadith 5088], Ibn Majah [Kitab al-Du‘a’, (باب مَا يَدْعُو بِهِ الرَّجُلُ إِذَا أَصْبَحَ وَإِذَا أَمْسَى), no.hadith 3869], dan al-Tirmidhi [Kitab al-Da‘awat, (باب مَا جَاءَ فِي الدُّعَاءِ), (إِذَا أَصْبَحَ وَإِذَا أَمْسَى), no.hadith 3388]. al-Tirmidhi mengatakan bahawa hadith ini *hasan sahih gharib*. Menurut al-Albani hadith ini *sahih*. Manakala al-‘Iraqi dalam *Takhrij Ahadith al-‘Thya’* hanya menukulkan pendapat al-Tirmidhi berhubung dengan hukum hadith ini. Secara keseluruhannya, hadith ini adalah *sahih* berdasarkan pendapat tersebut yang dikukuhkan lagi dengan pelbagai riwayat yang menyebutkan hadith ini seperti Ibn Hibban dalam sahihnya, al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad*, dan Ahmad dalam musnadnya. Lihat *Mawsu‘ah al-Hadith, op.cit.*, h.1595, h.2708 dan h.2000, Muhammad Nasir al-Din al-Albani (t.t), *Sahih wa Da‘if al-Jami‘ al-Saghir*, Beirut: al-Maktab al-Islami, j.23, h.372 dan Abu ‘Abd Allah Mahmud Ibn Muhammad Hadad al-‘Iraqi (1987M), *Takhrij Ahadith al-‘Thya’*, Riyad: Dar ‘Asimah, j.3, h.172.

Menurut Rashid Layzul seseorang itu perlu berusaha dengan gigih bagi mencari dan mengeluarkan bahan sihir seterusnya membatalkan sihir tersebut. Menurut beliau lagi, untuk membatalkan sihir, perawat perlu mengambil air yang telah didoakan dengan ayat-ayat al-Quran khususnya ayat-ayat sihir, kemudian dicurahkan air itu ke atas bahan tersebut. Dengan izin Allah SWT, sihir tersebut akan terbatal.⁵²

Perkara ini bertepatan dengan pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab *Zad al-Ma'ad* yang menyatakan bahawa dalam pengamalan Nabi SAW terdapat dua kaedah dilakukan oleh baginda SAW iaitu mengeluarkan dan membatalkan sihir. Di samping itu, baginda juga sentiasa memohon petunjuk daripada Allah SWT bagi menghilangkan kesan sihir tersebut. Justeru itu, Allah SWT telah memberi petunjuk dengan mengkhabarkan melalui dua malaikat kepada Nabi SAW bentuk barang sihir dan tempat barang sihir disembunyikan. Kemudian barang sihir yang disembunyikan tersebut diambil dan dikeluarkan. Maka terbatalah sihir yang dihadapi oleh Nabi SAW. Barang sihir itu adalah seperti satu simpulan daripada beberapa simpulan tali seperti 'iqal. Menurut beliau lagi, pendekatan inilah yang paling dikehendaki dan berkesan dalam merawat sihir. Kaedah dan pendekatan ini adalah bertujuan untuk menghilangkan bahan-bahan kotor dan seterusnya merungkaikan ikatan tersebut bagi menghindarkan sihir itu memberi kesan kepada tubuh badan mangsanya.⁵³

Kelima: Menanam Bahan Sihir dan Mengelakkan Daripada Membakarnya

Bahan sihir yang dikeluarkan dan telah dibatalkan sihirnya perlu ditanam ke dalam tanah. Pendekatan demikian dilakukan sendiri oleh Nabi SAW. Ketika 'Aishah RA bertanya kepada Nabi SAW, kenapa tidak dibakar sahaja bahan itu, lalu Nabi SAW mengatakan bahawa tidak perlu untuk membakar bahan itu melainkan hanya perlu ditanam sahaja ke dalam tanah sepertimana dalam riwayat Muslim dan Ahmad.

قَالَتْ فَعُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أُحْرِقْتُهُ قَالَ « لَا أَمَّا أَنَا فَقَدْ عَافَانِي اللَّهُ وَكَرِهْتُ أَنْ أُثِيرَ عَلَى النَّاسِ شَرًّا
فَأَمَرْتُ بِهَا فَدُفِنَتْ »

Maksudnya: Aku ('Aishah) bertanya: "Ya Rasulullah, kenapa tidak dibakar sahaja benda itu?". Baginda menjawab: "Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku

⁵² Rashid Layzul (2001), *al-Jin wa al-Sihr fi al-Manzur al-Islami*, Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Imiyyah, h.256-257.

⁵³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur'ī (2006M/1427H), *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Kahyr al-'Ibad*, ditahqiq oleh Mustafa bin al-'Adawi, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab, j.4, h. 121 dan lihat juga Sa'd al-Mursafa, Dr. (1989M/1409H), *al-Sihr wa al-Saharah fi Daw'i al-Hadith al-Nabawi*, Kuwait: Dhat al-Salasil li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', h.182.

tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain”. Lalu baginda menyuruh agar ditanam bahan-bahan sihir itu.⁵⁴

Imam al-Nawawi dalam *al-Minhaj* berkata bahawa melalui lafaz (فَعُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أُحْرِقْتَهُ) atau (فَعُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَأَخْرَجْتَهُ) dalam dua riwayat yang telah dinyatakan, kedua-duanya adalah sahih. Dalam kedua-dua riwayat tersebut menyatakan perlu untuk mengeluarkan bahan sihir dan kemudian membakarnya. Namun begitu, apa yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW adalah mengeluarkan bahan sihir dan menanamnya bukan membakarnya kerana baginda telah pun disembuhkan oleh Allah SWT daripada kesan sihir itu. Ini kerana baginda bimbang jika mengeluarkan, membakar dan menonjolkan bahan sihir tersebut boleh mendatangkan kemudharatan dan kejahatan kepada orang-orang Islam khususnya dalam kalangan mereka yang mahu mengambil pengetahuan dan mempelajari sihir itu serta menyebarkan pengetahuan tersebut kepada orang lain. Pada hadith tersebut juga menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mencela orang yang melakukan sihir ke atas orang lain dan pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW tersebut adalah termasuk dalam bab meninggalkan suatu kemaslahatan kerana kluatir kemudharatan (atau kerosakan) yang lebih besar.⁵⁵

Keenam: Melakukan *Ruqyah* (Jampi) Ke Atas Pesakit

Pendekatan yang keenam adalah membacakan *ruqyah* ke atas orang yang terkena sihir yang disebut sebagai *al-Nushrah*. Kaedah *al-Nushrah* yang dibenarkan adalah merujuk kepada penggunaan jampi (*ruqyah*) yang dibenarkan sahaja. Ia merujuk kepada pendapat Sa'id bin al-Musayyab RA yang disebutkan oleh al-Bukhari dalam tajuk bab (*Tarjamah al-Bab*):

وَقَالَ قَتَادَةُ قُلْتُ لِسَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ رَجُلًا بِهِ طَبٌّ أَوْ يُؤَخِّدُ عَنِ امْرَأَتِهِ أَيْحُلُّ عَنْهُ أَوْ يُنَشِّرُ . قَالَ لَا بَأْسَ بِهِ ،
إِنَّمَا يُرِيدُونَ بِهِ الْإِصْلَاحَ ، فَأَمَّا مَا يَنْفَعُ فَلَمْ يَنْفَعْ

Maksudnya: Qatadah berkata, aku telah berkata kepada Sa'id bin al-Musayyab: “Seorang lelaki telah disihir atau ditahan daripada bersama dengan isterinya, adakah aku boleh mengeluarkan atau menjampi dan membaca perlindungan (bagi mengubati sihir) padanya?” Jawab Sa'id: “Tidak mengapa berbuat demikian, sesungguhnya yang mereka kehendaki dengan perbuatan tersebut adalah kebaikan. Maka, selagi mana ia mendatangkan manfaat (kebaikan), maka sama sekali tidak ditegah yang demikian.”⁵⁶

⁵⁴ Hadith riwayat Muslim: [Kitab al-Salam, (باب السِّحْرِ), no.hadith 5703 dan 5704] dan Ahmad [Hadith 'Aishah RA, no.hadith 25032 dan 25080]. Lihat Muslim (2000M), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, *ibid*, h.1066-1067 dan Ahmad bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Syaibani (1420H/1999M), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, ditahqiqkan oleh Shu'aib al-Arnu'ut *et.al*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, j.53, h.141.

⁵⁵ al-Nawawi (1392H), *al-Minhaj*, *op.cit.*, j.14, h.177-178.

⁵⁶ al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, *ibid.*, h. 492.

Hal ini dikukuhkan lagi dengan cadangan ‘Aishah RA kepada Nabi SAW supaya melakukan *al-Nushrah* selepas baginda menjumpai barang sihir dan mengeluarkannya. Walaupun begitu, Nabi SAW enggan untuk melakukan *al-Nushrah* tersebut. *Al-Nushrah* yang dimaksudkan adalah mengubati sihir menggunakan ilmu sihir yang termasuk dalam jenis *al-Nushrah* yang dilarang. Kemungkinan juga, yang dimaksudkan dengan *al-Nushrah* tersebut adalah membalas balik perbuatan sihir itu kepada si pembuatnya iaitu Labid bin al-A‘sam.

قَالَتْ عَائِشَةُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَهَلَّا - تَعْنِي - تَنْشُرْتَ فَقَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - « أَمَّا اللَّهُ فَقَدْ شَفَانِي ، وَأَمَّا أَنَا فَأَكْرَهُ أَنْ أُثِيرَ عَلَى النَّاسِ شَرًّا »

Maksudnya: “‘Aishah berkata: “Wahai Rasulullah kenapa tidak dibalas -yakni- kenapa tidak dilakukan *al-Nushrah*. Sabda Nabi SAW: “Allah telah pun menyembuhkan daku. Jadi, aku benci untuk mendatangkan kejahatan ke atas manusia lain.”⁵⁷

Ibn Hajar mentakrifkan *al-Nushrah* itu sebagai satu kaedah rawatan yang digunakan untuk merawat mangsa sihir atau pesakit yang terkena rasukan syaitan.⁵⁸ Kesimpulan yang dikemukakan oleh Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* menyebutkan bahawa dapat dinyatakan bahawa terdapat dua jenis *al-Nushrah*, iaitu;

1. Kaedah *al-Nushrah* yang tidak dibenarkan (haram), iaitu merujuk kepada penggunaan ilmu sihir atau khidmat tukang sihir untuk membatalkan (merawat) sihir atau rasukan syaitan. Kaedah ini dirujuk kepada *al-Nushrah* sebagai amalan syaitan seperti disebutkan oleh Nabi SAW.⁵⁹
2. Kaedah *al-Nushrah* yang dibenarkan, iaitu merujuk kepada penggunaan *ruqyah al-shar‘iyyah* yang dibenarkan. Ibn Hajar memberi gambaran beberapa pendekatan *al-Nushrah* yang boleh dilakukan.

Ibn Hajar memetik pandangan ‘Abd al-Razzaq daripada pandangan al-Sha‘bi yang mengatakan bahawa tidak mengapa untuk menggunakan kaedah *al-Nushrah al-‘Arabiyyah* yang apabila dilakukan tidak mendatangkan kemudaratan. Antaranya seperti mengeluarkan sesuatu kesakitan yang dialami pada anggota badan, lalu disapu kanan dan kira serta dengan kepintaran yang dimiliki dibacakan *ruqyah* dan kemudian dibasuhkan (atau disapu) pada tempat sakit tersebut. Manakala Ibn Battal menyebutkan pula, Wahb bin Munabbih menuliskan supaya mengambil tujuh helai daun bidara hijau, lalu dihancurkan menggunakan batu dan dicampur

⁵⁷ Matan hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari [Kitab al-Adab, (إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى...), no.hadith 6063]. Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith, op.cit.*, h.512.

⁵⁸ Ibn Hajar (2001M/1421H), *Fath al-Bari, op.cit.*, j.10, h.244.

⁵⁹ Hadith: (عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنِ النَّبِيِّ فَقَالَ « هُوَ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ ») Maksudnya: “Diriwayatkan dari Jabir bin ‘Abd Allah RA katanya: “Rasulullah SAW telah ditanya tentang *al-Nushrah*. Maka sabda Nabi SAW: “(*al-Nushrah*) adalah amalan syaitan.” Hadith riwayat Abi Dawud: [Kitab al-Tibb, (تَاب فِي الشُّشْرَةِ), no.hadith 3868]. Lihat Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi selepas ini Abu Dawud (2000), *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, c.3, h.1507

bersama air. Adunan itu dibacakan *ayat Kursi* dan empat *qul* (empat surah bermula dengan *Qul*) lalu ditiupkan pada adunan (bahan rawatan) itu tiga kali serta digunakan untuk mandi, akan dapat membantu mengubati penyakit gangguan atau sihir. Rawatan ini baik digunakan terhadap suami yang disihir sehingga tidak dapat mendekati isterinya.⁶⁰

Ketujuh: Memaafkan perbuatan tukang sihir apabila telah disembuhkan oleh Allah SWT.

Ini bermakna tidak menyimpan dendam dan tidak melakukan sihir balas terhadap individu yang telah menyihir diri seseorang serta menyerahkan semua urusan pembalasan kepada Allah SWT sahaja.⁶¹ Perkara ini disebutkan dalam hadith;

قَالَ « قَدْ عَافَانِي اللَّهُ ، فَكَرِهْتُ أَنْ أُتَوَّرَ عَلَى النَّاسِ فِيهِ شَرًّا »

Maksudnya: Sabda Nabi SAW: “ *Sesungguhnya Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain*”.⁶²

Hal ini kerana seseorang yang berdendam dan mempunyai hasad dengki cenderung untuk melakukan kejahatan terhadap individu lain seperti bertindak balas dengan menyihir orang menyihirnya. Dalam ayat 4-5 surah al-Falaq jelas menyebutkan bahawa sihir yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir adalah dengan cara menghembuskan nafas-nafas mereka pada simpulan tali. Perbuatan tersebut didorong oleh perasaan hasad dan dengki kepada Rasulullah SAW. Selain itu, sebab penurunan surah ini juga adalah untuk menjelaskan perlakuan tukang sihir dan faktor mereka melakukan sihir serta membebaskan Nabi SAW daripada kesan sihir yang dihadapi oleh baginda. Firman Allah SWT pada ayat 4-5 surah al-Falaq:

وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿١٠﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿١١﴾

Maksudnya: "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia berdengki".

⁶⁰ Ibn Hajar (2001M/1421H), *op.cit.*, j.10, h.244.

⁶¹ Ini kerana Nabi SAW sendiri tidak melakukan perbuatan membalas kembali perbuatan sihir yang telah dikenakan kepada baginda walaupun baginda dengan jelas mengetahui pelaku sihir yang telah menyihir baginda iaitu seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam. Baginda juga tidak mengenakan sebarang hukuman atau mengarahkan lelaki itu ditangkap dan sebagainya. Sebaliknya Nabi SAW memaafkan perbuatan tersebut setelah baginda disembuhkan oleh Allah SWT.

⁶² *Op.cit.*

Oleh yang demikian, merujuk kepada satu hadith tersebut sahaja, terdapat 7 pendekatan yang boleh dipraktikkan dalam rawatan sihir secara umumnya. Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa banyak lagi pendekatan yang boleh dipraktikkan termasuk jenis-jenis bacaan dan doa yang dapat digunakan dalam proses meruqyah pesakit yang terkena sihir, bahan-bahan rawatan yang boleh digunakan dan pendekatan dalam rawatan seperti meniup/mengembuskan *ruqyah* bacaan kepada pesakit atau tempat sakit, pendekatan sentuhan terhadap pesakit seperti menepuk-nepuk pesakit dan menyapu dengan tangan,

Signifikan Penggunaan Ayat-Ayat al-Quran dan Doa-Doa Tertentu Dalam Rawatan Sihir

Dalam perbincangan terhadap rawatan sihir, tidak dapat lari daripada menyebutkan tentang penggunaan ayat-ayat tertentu dan doa-doa tertentu sebagai *ruqyah* dalam rawatan sihir. Timbul pertanyaan, apakah asas atau ciri-ciri utama yang diletakkan dalam pemilihan jenis-jenis ayat dan doa dalam rawatan tersebut?

Merujuk kepada isu ini, seperti yang dimaklumi bahawa dalam kajian terhadap para pengamal pengubatan Islam di Malaysia, didapati bahawa penggunaan ayat-ayat, doa-doa, zikir dan sebagainya sebagai *ruqyah* dalam rawatan sihir adalah terdiri daripada kombinasi yang berbeza. Perkara ini bukan merupakan isu yang besar memandangkan bahawa selagi mana memenuhi syarat-syarat dalam penggunaan *ruqyah* dalam rawatan penyakit, maka dapat diterima dan boleh dipraktikkan. Berhubung dengan syarat-syarat *ruqyah* (jampi) yang dibenarkan, adalah terdiri daripada empat (4) syarat iaitu [1] Jampi atau *ruqyah* daripada ayat-ayat al-Quran, nama Allah SWT dan sifat-sifatNya; [2] Jampi atau *ruqyah* yang tidak mengandungi unsur syirik kepada Allah SWT seperti pemujaan, memohon pertolongan dan bantuan selain Allah SWT atau melalui perantaraan tertentu seperti penggunaan azimat dan tangkal; [3] Jampi atau *ruqyah* dalam bahasa Arab atau yang difahami maksud dan makna walaupun bukan daripada bahasa Arab; dan [4] Beriktikad bahawa bukan jampi yang memberi kesan kepada penyembuhan, tetapi hakikatnya kesembuhan itu hanya dari Allah SWT sahaja.⁶³

Asas dalam pemilihan ayat, doa dan zikir dalam rawatan penyakit adalah berasaskan penyebutan “*keyword*” yang menjelaskan tentang penyakit itu, keadaan penyakit, jenisnya atau peristiwa yang berkaitan dengan penyakit. Khususnya ayat-ayat al-Quran yang diletakkan sebagai “*Shifa*’ (penyembuh)” bagi pelbagai jenis penyakit.

Secara umumnya, dalam pemilihan ayat al-Quran atau kombinasi doa-doa yang lain adalah merujuk kepada empat signifikan berikut iaitu; [1] Signifikan dengan tema ayat atau kalimah yang terkandung di dalam ayat yang berkaitan dengan penyakit; [2] Pengajaran terhadap kisah dan

⁶³ Khadher Ahmad, (2012) “Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia”, (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.332.

pengajaran disebalik penurunan ayat; [3] Pemahaman tersirat disebalik maksud ayat al-Quran; dan [4] Merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dipelajari atau diwarisi daripada pengalaman orang lain.⁶⁴

Contohnya berkaitan dengan tema ayat atau kalimah, kombinasi *ruqyah* yang digunakan dalam rawatan penyakit yang berkaitan dengan sihir adalah terdiri daripada kombinasi beberapa ayat yang jelas berkaitan dengan tema sihir iaitu ayat 81-82 surah Yunus; ayat 118-122 surah al-A'raf; ayat 69 surah Taha; ayat 84 surah al-Nisa' dan ayat 64 surah Yusuf.⁶⁵ Keseluruhan ayat tersebut menyentuh tentang sihir. Dalam ayat 81-82 surah Yunus, ayat 118-122 surah al-A'raf dan ayat 69 surah Taha Allah SWT menyebutkan tentang sihir yang berlaku pada zaman Nabi Musa AS, usaha Nabi Musa AS bersama Nabi Harun AS memerangi sihir dan berlawan dengan ahli tukang sihir Firaun serta Allah membatalkan sihir-sihir yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir Firaun tersebut. Manakala ayat ayat 84 surah al-Nisa' dan ayat 64 surah Yusuf adalah kombinasi ayat untuk memohon pemeliharaan dan penjagaan daripada Allah SWT daripada terkena penyakit sihir khususnya dan umumnya daripada segala gangguan makhluk halus. Ringkasannya seperti dalam Jadual 1.0 di bawah.

No.	Jenis Penyakit	Ayat Al-Quran Yang Dijadikan Sebagai <i>Ruqyah</i>	Signifikan Ayat Dengan Penyakit
1.	Rawatan Sihir	Yunus (10): 81-82	Tema Sihir Konsep memohon pembatalan sihir
		Al-A'raf (7): 118-122	Menceritakan tentang kemenangan di pihak yang hak dan hancurnya kebatilan (sihir)
		Taha (20): 69	Sihir adalah tipu daya dan perbuatan tukang sihir tidak akan berjaya
		al-Nisa' (4): 84	Pengakuan kekuatan Allah
		Yusuf (12):64	Memohon pemeliharaan daripada kejahatan

Jadual 1.0: Signifikan Dalam Pemilihan Ayat Sebagai *Ruqyah* Dalam Rawatan Sihir

Walaupun demikian, tidak semestinya terikat dengan kombinasi ayat-ayat *ruqyah* tersebut sahaja, namun, kombinasi tersebut boleh berbeza bergantung kepada kepandaian dan ilmu yang dimiliki masing-masing.

Dengan itu, tidak menjadi sebagai masalah untuk menggunakan kombinasi ayat, doa dan zikir yang berbeza dalam rawatan berdasarkan kepada kesesuaian dan kepandaian perawat dalam merawat penyakit sihir tersebut. Ia juga terkait dari sudut perbezaan jenis sihir yang dihadapi dan kekuatan sihir tersebut.

Kesimpulan

⁶⁴ Khadher Ahmad, Abdullah Yusof & Mohd Farhan Md Ariffin. 2014. Signifikan Penggunaan *Ruqyah* Berasaskan al-Quran Dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis. Dlm. Sedek Ariffin et.al. *Tajdid in Qur'anic Studies*. Kuala Lumpur: Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, UM, h.204-208.

⁶⁵ Haron Din, Dato' Dr. (2011), *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*, Jilid 5, Bandar Baru Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa'), h. 161-163.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, Rasulullah SAW pernah terkena sihir dan Allah SWT telah memberi petunjuk melalui baginda dan melalui al-Quran itu sendiri dalam membantu hamba-hambaNya dalam menghadapi dan merawat sihir. Perkara yang utama dapat difahami bahawa al-Quran telah mendatangkan pelbagai petunjuk untuk diambil iktibar oleh manusia yang dapat memahaminya. Demikian juga, keberadaan Rasulullah SAW yang memberi tunjuk ajar kepada petunjuk tersebut. Sebagai seorang Muslim, perkara yang utama adalah meletakkan keyakinan penuh kepada petunjuk daripada al-Quran dan sunnah Nabi SAW kerana kedua-dua sumber itu bersandarkan kepada bimbingan Allah SWT. Sudah pasti Allah Maha Mengetahui keadaan dan keberadaan hamba-hambaNya di atas dunia ini.

Justeru, sebagai tambahan antara perkara utama yang perlu diberikan penekanan yang lebih adalah usaha di pihak mangsa yang sakit itu untuk merawat dirinya sendiri. Maknanya dalam rawatan penyakit, jangan bergantung kepada usaha perawat semata-mata, tetapi usaha itu perlu daripada pesakit itu sendiri untuk membebaskan dirinya daripada penyakit melalui pemohonan dan kebergantungannya kepada Allah SWT. Perkara itu juga merujuk kepada kecekalan dan ketabahan hati mangsa untuk menghadapi penyakit itu, meletakkan kebergantungan dirinya sepenuhnya kepada Allah, usaha dan ikhtiar dari pihak dirinya untuk sembuh, peningkatan ibadah dan hubungan dengan Allah dan doa yang berterusan memohon kesembuhan dari Allah. Semuanya itu akan dikira oleh Allah SWT dan mungkin dengan kesungguhan itu Allah menyembuhkan diri. Yakinilah bahawa kesembuhan itu milik peribadi Allah, dan kita hanya berusaha untuk mendapatkannya sahaja.

Wallahu a'lam.

Bibliografi:

- ‘Aini , Al-Imam al-‘Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al- (1421H/2001M), *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu ‘Ubaydah Mahir bin Salih Ali Mubarak (1995M/1415H), *Fath al-Mughith fi al-Sihr wa al-Hasad wa Mass Iblis*, Riyad: Dar al-‘Ulum al-Sunnah li al-Nashr.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi (2000), *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Ahmad bin Hanbal Abu ‘Abd Allah al-Syaibani (1420H/1999M), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, ditahqiqkan oleh Shu‘aib al-Arnu‘ut *et.al*, Beirut: Mu‘assasah al-Risalah.
- Alusi, Shihab al-Din Mahmud bin ‘Abd Allah al-Husayni al- (m.1270H), *Ruh al-Ma‘ani fi Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim wa al-Sab‘ al-Mathani*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Amran Kasimin (2009) *Sihr Suatu Amalan Kebatinan*, Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Bali, Wahid 'Abd al-Salam (2007), *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-Sihr al-Ashrar*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid.

- Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al- (1968), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Kaheerah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Haron Din, Dato' Dr. (2011), *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*, Jilid 5, Bandar Baru Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa').
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismai'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqi (2004M/1424H), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur'i Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987M/1407H), *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khayr al-'Ibad*, Beirut: Mu'assah al-Risalah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Abi Bakr al-Zur'i (2006M/1427H), *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Kahyr al-'Ibad*, ditahqiq oleh Mustafa bin al-'Adawi, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- 'Iraqi, Abu 'Abd Allah Mahmud Ibn Muhammad Hadad al- (1987M), *Takhrij Ahadith al-'Ihya'*, Riyad: Dar 'Asimah.
- Khadher Ahmad, (2012) "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia", (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Khadher Ahmad, Abdullah Yusof & Mohd Farhan Md Ariffin. 2014. Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran Dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis. Dlm. Sedek Ariffin et.al. *Tajdid in Qur'anic Studies*. Kuala Lumpur: Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, UM.
- M. Quraisy Shihab (2000), *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Kerasian al-Qur'an Syaitan*, Jakarta: Lentera Hati.
- Musa bin Muhammad bin Jabir al-Fifi (t.t), *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqiyyah fi al-Kutub al-Sittah: Riwayah wa Dirayah*, (Tesis di al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah (American's International University), Beirut dibawah penyeliaan al-Husayn bin Muhammad Shawat
- Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy al-Nawawi, (1392H), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al-, (1967M) *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, al-Qahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Rashid Layzul (2001), *al-Jin wa al-Sihr fi al-Manzur al-Islami*, Beirut, Lebnon: Dar al-Kutub al-'Imiyyah.
- Sa'd al-Mursafa, Dr. (1989M/1409H), *al-Sihr wa al-Saharah fi Daw'i al-Hadith al-Nabawi*, Kuwait: Dhat al-Salasil li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shanqiti, Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar bin 'Abd al-Qadir al-Jakni al- (1415H/1995M), *Awda' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*, Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Tabari, Muhammad bin Jarir al-Tabari (1978M/1397H), *Tafsir Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Haji Mohd Yusuf, (2009), Dato' Dr. et al. *Kamus al-Quran*, (Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.